

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

MyCC MENGELOUARKAN KEPUTUSAN CADANGAN TERHADAP LIMA PENGISAR MAKANAN

KUALA LUMPUR, 5 OGOS 2022 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) hari ini telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap lima (5) perusahaan kerana telah melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) seperti berikut:

- i. Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd.;
- ii. FFM Berhad;
- iii. Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn. Bhd.;
- iv. Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn. Bhd.; dan
- v. PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd.

Pada 27 Jun 2022, Pasukan Khas MyCC telah membentangkan laporan penyiasatannya kepada Anggota-Anggota Suruhanjaya yang diketuai oleh Pengurusnya, Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Md Yunus. Selepas penilaian teliti dibuat terhadap laporan penyiasatan tersebut, MyCC sebagai badan separa kehakiman, secara awalnya, melalui Keputusan Cadangan, mendapati perusahaan-perusahaan tersebut telah melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 dengan memasuki perjanjian antipersaingan dan/atau amalan bersepada dalam menaikkan kuantum harga makanan ayam yang mengandungi kacang soya dan jagung sebagai bahan utamanya, di antara awal tahun 2020 sehingga pertengahan tahun 2022.

Hasil penyiasatan mendedahkan bahawa maklumat perdagangan sensitif yang telah dikongsi antara perusahaan-perusahaan tersebut dilihat berpotensi untuk mengganggu persaingan dalam pasaran. Melalui penetapan harga pada kuantum yang sama yang menyebabkan kenaikan yang sama dalam kalangan perusahaan, pilihan pembeli dalam memilih pembekal makanan ayam pilihan mereka yang menawarkan harga terbaik menjadi terhad. Kesannya, perlakuan perusahaan-perusahaan tersebut berpotensi menghasilkan sebuah landskap antipersaingan dalam rantaian bekalan industri ayam.



UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Makanan ayam adalah penyumbang utama kepada kos penternakan ayam iaitu kira-kira 72.8% daripada jumlah kos keseluruhan. Oleh itu, apabila persaingan dimanipulasi dalam pasaran makanan ayam, keseluruhan bekalan rantaian dalam industri akan terjejas. Pengguna, yang berada di hujung rantaian bekalan ini adalah paling terjejas.

Memandangkan penemuan MyCC melalui Keputusan Cadangan adalah dapatan awal hasil penyiasatan, maka tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar undang-undang pada peringkat ini. Lima (5) perusahaan itu kini mempunyai peluang untuk mengemukakan representasi mereka dalam tempoh 30 hari dari tarikh di mana Keputusan Cadangan itu disampaikan kepada mereka. Mereka boleh memilih untuk membentangkan representasi mereka secara lisan pada tarikh yang akan ditentukan kelak, setelah MyCC menerima representasi bertulis mereka.

Setelah mendengar dan mempertimbangkan representasi bersama bukti yang dikumpul dalam proses penyiasatan, MyCC akan mengeluarkan keputusan akhir sama ada terdapat dapatan pelanggaran atau tiada pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010. Sekiranya terdapat pelanggaran, MyCC boleh mengenakan penalti kewangan sehingga 10% daripada pusing ganti seluruh dunia oleh perusahaan-perusahaan tersebut sepanjang tempoh pelanggaran itu. Selain daripada penalti, MyCC juga boleh mengenakan arahan tertentu yang dianggap wajar.

“Adalah jelas di bawah Akta Persaingan 2010 bahawa perusahaan tidak sepatutnya membuat sebarang perjanjian, bertukar maklumat perdagangan yang sensitif mengenai harga atau terlibat dalam sebarang amalan bersepadan yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan. Sebaliknya, mereka harus menentukan tingkah laku masing-masing secara bebas dan memastikan suasana yang kompetitif dalam pasaran.”

“Perjanjian antipersaingan atau juga dikenali sebagai perjanjian kartel menyebabkan kerosakan yang signifikan kepada ekonomi serta pengguna secara amnya. Kartel adalah pelanggaran yang amat serius di bawah undang-undang persaingan. Perjuangan menentang kartel belum berakhir dan kita memerlukan bantuan semua pihak dalam perjuangan ini. Kami menyeru kepada semua pihak untuk bersama-sama

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

dengan MyCC dalam membongkar dan menentang perlakuan kartel dalam pasaran," kata Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

MyCC menegaskan bahawa komitmennya bukan sahaja untuk memastikan keadilan itu dicapai tetapi mesti dilihat tercapai. Orang ramai dan pihak media digesa untuk memberi ruang supaya proses undang-undang dapat dikuatkuasakan dengan sewajarnya dan menghentikan sebarang spekulasi mengenai perkara ini.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.

